



No. Siri 2173
 No. Penerimaan 349/82

Bahan asal dari Arkib
 Negara Malaysia

Mahathir rasmikan kilang buat kaca

TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan pembukaan sebuah kilang perusahaan membuat kaca - Malaysian Sheet Berhad - di Sungai Buloh, dekat Kuala Lumpur pagi semalam.

Kilang usahasama Jepun-Malaysia itu membuat berbagai jenis alat-alat daripada kaca termasuk Gelas Keselamatan bagi kenderaan-kenderaan bermotor, kini mempunyai modal pelaburan berjumlah \$60 juta serta 450 orang pekerja.

Datuk Seri Dr. Mahathir kelihatan sedang melawat salah satu bahagian kilang itu dan Pengarah Urusan Bersama Syarikat tersebut, Encik Eiichi Futakado (dua dari kiri) sedang memberi penerangan kepadanya, di belakangnya Encik Futakado ialah Menteri Besar Selangor, Dato' Hurmat Rafel. — Gambar Berita Harian.